



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

2/ 2024 (Februari 2024)

تاریخ	تاجوق	بیل
2 Februari 2024M/ 21 Rejab 1445H	Rejab Yang Istimewa	1.
9 Februari 2024M/ 28 Rejab 1445H	Israk dan Mikraj: Perkara Ghaib Tanpa Soal	2.
16 Februari 2024M/ 6 Sya'aban 1445H	Perpindahan Kiblat di Bulan Syaaban	3.
23 Februari 2024M/ 13 Sya'aban 1445H	Bulan Syaaban yang Dekat Di Hati	4.
Khutbah Kedua		

دبیایاء:



زكاة فولاو فینغ

دتریبتکن:



جابتن حال إحوال اگام اسلام فولاو فینغ



**Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang
(November 2023 – Disember 2025)**

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBhg. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian *Buhuth* (Penyelidikan),
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Tuan Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)

*Moga Allah SWT merahmati roh mantan Panel Jawatankuasa
Tauliah dan Khutbah, **Al-Marhum Prof Madya Dr. Atikullah bin
Abdullah**, yang telah kembali ke Rahmatullah pada 22 Disember
2023. Al-Fatihah*





Rejab Yang Istimewa

2 Februari 2024M/ 21 Rejab 1445H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا،
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ، وَمَنْ يُضِلِّمْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا
مُرْشِدًا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنِ اتَّبَعَ سُنَّتَهُ وَافْتَتَى
أَثَرَهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Pada hari Jumaat, di atas mimbar yang mulia ini, khatib menyeru kepada sidang jemaah sekalian agar terus meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Semoga kehidupan kita sentiasa dalam panduan cahaya Islam dan mendapat kasih sayang Allah di akhirat kelak.

Sebelum khatib meneruskan bicara, mohon sidang jemaah sekalian memberikan sepenuh tumpuan kepada khutbah pada hari ini. Janganlah bersembang-sembang, bermain telefon bimbit, mengulit media sosial dan sebagainya. Khutbah pada minggu ini adalah berkaitan “**Rejab Yang Istimewa.**”

SIDANG JUMAT SEKALIAN,



Hadirnya Rejab pada tahun ini tentunya mengisyaratkan sesuatu kepada kita. Ia adalah antara bulan yang mendapat tempat istimewa dalam Islam kerana kemuliaannya. Ia termasuk dalam bulan-bulan haram selain Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharram. Pada empat bulan kebesaran ini, Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** telah mengharamkan orang Islam untuk melancarkan peperangan.

Imam Al-Qurtubi dalam tafsirnya menyatakan, Nabi **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** sendiri pernah menegaskan bahawa bulan Rejab ini adalah bulan Allah atau maksudnya bulan *Ahlullah*. Menurut beliau lagi, penduduk dalam kalangan mukmin di tanah haram itu adalah *Ahlullah* kerana Allah yang memelihara dan memberi kekuatan kepada mereka untuk berbuat ketaatan. Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** berfirman dalam surah at-Taubah ayat 36:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقْتَلُونَكُمْ كَافَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya bilangan bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan (yang telah ditetapkan) dalam kitab Allah semasa dia menciptakan langit dan bumi termasuk antaranya empat bulan yang dihormati. Itulah ketetapan agama yang lurus, maka janganlah kamu menzalimi diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya) dan perangilah kaum kafir musyrik semuanya sebagaimana mereka memerangi kamu semua. Dan ketahuilah bahawa Allah bersama-sama orang-orang yang bertakwa.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Apabila disebut sebagai bulan mulia, maka padanya mesti terdapat fadhilat yang sepatutnya direbut. Ibnu Rajab Al-Hambali dalam tulisannya *Lataifi al-Maarif* (لَطَائِفُ الْمَعَارِفِ) menyatakan bahawa, bulan Rejab adalah bulan yang akan digandakan pahala, manakala pendosa akan digandakan seksa. Dalam hal ini, Ibnu Kathir dalam tafsirnya menukikkan pandangan Ibnu Abbas رَضِيَ اللهُ عَنْهُ yang menyebutkan:

“Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مُنْجِسُهَا وَتَعَالَى menghususkan empat bulan tersebut sebagai bulan haram, yakni dianggap sebagai bulan suci. Melakukan maksiat pada bulan tersebut dosanya akan lebih besar dan amal soleh yang dilakukan mendapat pahala yang lebih banyak.”

Bulan Rejab sewajarnya dijadikan bulan persediaan untuk melakukan amal kebaikan, supaya dosa-dosa kecil terhapus dengan pahala kebajikan. Bulan Rejab juga adalah bulan persediaan menghadapi Ramadhan yang bakal tiba tidak lama lagi.

Sudah tiba masanya, perut-perut kita diajar untuk berpuasa terutamanya pada hari Isnin dan Khamis. Al-Quran sepatutnya dibaca dan lidah-lidah yang kering dibasahkan kembali dengan zikir, isitighfar serta selawat. Selain mendirikan solat fardu berjemaah, solat-solat sunat juga wajar diperbanyakkan. Semua amalan ini bakal beroleh pahala berlipat kali ganda dan menghapus dosa-dosa kecil.

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

Dalam perbincangan para cendekiawan Islam, terdapat beberapa perselisihan berkaitan sumber-sumber hukum terutamanya hadis



berkaitan bulan Rejab. Namun, selagi hadis yang dilaporkan tidak diklasifikasikan sebagai maudhu' (مَوْضُوع) atau hadis palsu maka amalan-amalan seperti yang dilaporkan dalam sesebuah hadis berkaitan bulan Rejab boleh diamalkan dalam kerangka *Fadhailul A'mal* (فَضَائِلُ الْأَعْمَالِ), *At-Targhib* (التَّرْغِيب) galakan dan *At-Tarhib* (التَّرْهِيْب) ancaman.

Di samping itu saudaraku sekalian, puasa dan ibadah dalam bulan Rejab dan Syaaban adalah dianjurkan berdasarkan kesepakatan tiga mazhab iaitu mazhab al-Hanafi, al-Maliki dan ash-Shafie. Malahan, Imam ar-Ramli menyebutkan “sebaik-baik bulan untuk berpuasa selepas bulan Ramadhan antaranya ialah pada bulan Rejab kerana bulan ini adalah salah satu daripada bulan-bulan haram.”

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Uthman bin Hakim:

سَأَلْتُ سَعِيدَ بْنَ جُبَيْرٍ، عَنْ صَوْمِ رَجَبٍ وَنَحْنُ يَوْمَئِذٍ فِي رَجَبٍ فَقَالَ: سَمِعْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، يَقُولُ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُ حَتَّى نَقُولَ لَا يُفْطِرُ، وَيُفْطِرُ حَتَّى نَقُولَ لَا يَصُومُ.

Maksudnya: “Aku bertanya kepada Said bin Jubair tentang puasa Rejab, apa pandanganmu? Beliau menjawab: Ibnu Abbas memberitahu kami bahawa: Rasulullah biasa berpuasa sehingga kami menyangka Baginda tidak akan berbuka. Baginda juga terus berbuka sehingga kami menyangka Baginda tidak akan berpuasa.”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى



Khatib mengajak sidang jemaah sekalian agar mengambil manfaat melalui kesimpulan berikut:

Pertama, kita perlu memahami bahawa bulan Rejab mempunyai fadhilat dan keistimewaannya yang tersendiri di antara bulan-bulan Islam yang lain. Maka perhebatkanlah amalan-amalan kebaikan serta hindarilah maksiat.

Kedua, kita perlu melatih diri untuk memperbanyakkan ibadah seperti melaksanakan solat sunat, berpuasa sunat, istighfar dan berzikir. Ia sebagai persediaan untuk menghadapi bulan Ramdhan yang akan menjelang.

Ketiga, kita perlu memperbanyakkan doa dan antara yang kerap diungkapkan adalah:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Maksudnya: *“Ya Allah, berkatilah kami pada bulan Rejab dan Syaaban dan sampaikan umur kami sehingga Ramadhan.”*

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah al-Hajj ayat 32:

ذَٰلِكَ وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعِيرَةَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿٣٢﴾

Maksudnya: *“Demikianlah (ajaran Allah). Dan sesiapa yang menghormati syiar agama Allah, maka (dialah orang yang bertakwa), kerana sesungguhnya perbuatan itu lahir daripada sifat takwa hati orang mukmin.”*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ
مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua Bulan Februari

2024M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ أَلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزَنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru para jemaah sekalian agar terus memberikan sokongan padu tanpa berbelah-bagi kepada penduduk Palestin yang sedang dizalimi oleh Regim Zionis melalui serangan tanpa henti di Gaza dan Tebing Barat.

Kita mungkin tidak mampu mengangkat senjata, tetapi kita masih mempunyai kekuatan daripada aspek kewangan. Infakkanlah sebahagian rezeki untuk membantu mereka yang ketika ini berada dalam keadaan



yang amat menyedihkan serta menjalani kehidupan yang sukar. Selain itu, gunakanlah senjata paling ampuh yakni DOA. Semoga Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى menganugerahkan kejayaan, keselamatan dan kesejahteraan buat seluruh umat Islam serta rakyat Palestin khususnya. Semoga bumi Palestin kembali aman dan makmur di bawah rahmat Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أُمَّتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَائِنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ،

وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتِكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul
Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.



اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

* Khutbah Kedua dengan doa untuk Yang Dipertuan Agong terkini akan dikemaskini di portal
<https://jaipp.penang.gov.my/>

